

No. Soalan: 28  
PR-1353-L02980

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK JOSEPH SALANG GANDUM**  
**[ JULAU ]**

**TARIKH** : **2 NOVEMBER 2017**

**SOALAN** : **Datuk Joseph Salang Gandum [ Julau ]**  
**minta MENTERI LUAR NEGERI**  
**menyatakan usaha dan peranan yang telah**  
**Malaysia ambil untuk melegakan**  
**ketegangan hubungan antara Amerika**  
**Syarikat dan Korea Utara**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Julau atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia kekal prihatin terhadap perkembangan di Semenanjung Korea. Situasi tegang yang sedang berlaku di Semenanjung Korea adalah disebabkan program ujian nuklear bawah tanah dan ujian peluru berpandu balistik yang berterusan oleh Korea Utara. Ancaman serta perbalahan di antara Amerika Syarikat dan Korea Utara kebelakangan ini juga dilihat menyumbang kepada ketegangan di Semenanjung Korea, termasuklah ancaman untuk melaksanakan ujian nuklear di Lautan Pasifik. Situasi tegang ini juga dilihat turut memberi risiko kepada keselamatan di rantau Asia dan seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Malaysia sebagai Negara Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), telah mematuhi Resolusi-Resolusi Majlis Keselamatan PBB (*United Nations Security Council, UNSC*) yang berkaitan dengan sekatan-sekatan ke atas Korea Utara. Ini termasuklah mengambil tindakan untuk menyiasat dakwaan berdasarkan maklumat-maklumat risikan yang diperolehi daripada pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Malaysia akan terus menggesa Korea Utara melalui pelbagai platform untuk mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mempamerkan komitmen berhubung dengan langkah-langkah penyahcambahan nuklear di Semenanjung Korea serta mematuhi pelbagai resolusi UNSC mengenai perkara tersebut.

5. Malaysia juga berpandangan bahawa perbezaan di antara Amerika Syarikat dan Korea Utara perlu diselesaikan melalui rundingan dan dialog yang aman.

Sekian, terima kasih.